

**Arul tuduh Tony Pua sembunyi di sebalik PAC untuk elak debat
Malaysian Insider
Nov 5, 2015**

Presiden 1Malaysia Development Berhad (1MDB) Arul Kanda Kandasamy menuduh Tony Pua cuba bersembunyi di sebalik Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) untuk melarikan diri daripada perdebatan berhubung dana pelaburan negara yang bermasalah.

"Pua kini mengesahkan beliau tidak akan meletak jawatan daripada PAC dan tidak akan berdebat dengan saya.

"Beliau memilih untuk bersembunyi di sebalik keahliannya dalam PAC, lari daripada 1 pertarungan yang beliau sendiri dengan agresif mengganggu saya untuk terima, yang saya setuju tanpa mengenakan sebarang syarat," kata Arul. – 5 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/arul-tuduh-tony-pua-semunyi-disebalik-pac-untuk-elak-debat>